




KSN umum pelantikan 3 pegawai tertinggi perkhidmatan awam

Oleh Rohaniza Idris - Februari 17, 2023 @ 10:56pm
roha@bh.com.my



Mohd Zuki menyampaikan watikah lantikan kepada Ahmad Nadzri Mohd Hassan sebagai Setiausaha Persekutuan Sarawak berkuat kuasa 20 Februari 2023 - Foto Twitter KSN

KUALA LUMPUR: Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali malam ini mengumumkan pelantikan tiga pegawai tertinggi dalam perkhidmatan awam, berkuat kuasa Isnin ini.

Jawatan itu membabitkan pelantikan Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ruji Ubi sebagai sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) berkuat kuasa tarikh yang sama.

Turut diumumkan pelantikan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pertahanan, Ahmad Nadzri Mohd Hassan sebagai Setiausaha Persekutuan Sarawak.

Bekas Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz pula dilantik sebagai Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Pengumuman itu dibuat dalam kenyataan berasingan yang diulang siar dalam Twitter Mohd Zuki, malam ini.

Raji, 53, berkelulusan Ijazah Sarjana Penggajian Antarabangsa (Pengurusan Keamanan dan Konflik) Universiti Queensland, Australia dan berkhidmat dalam perkhidmatan awam lebih 27 tahun.

Ahmad Nadzri, 55, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Dalhousie, Halifax, Canada.

Beliau memulakan kerjayanya dalam Perkhidmatan Awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 1994 dan kini berpengalaman selama 29 tahun dalam Perkhidmatan Awam yang banyak terbabit dalam menguruskan beberapa portfolio termasuk pembangunan sumber manusia, dasar dan perancangan strategik.

Wan Ahmad Dahlan pula pernah berkhidmat sebagai Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara dan berkhidmat selama 28 tahun dalam perkhidmatan awam.

Dalam hantaran di Twitter, Mohd Zuki berkata, beliau berharap pelantikan Ahmad Nadzri dapat mengukuhkan hubungan erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak serta menjadi pemudah cara pelaksanaan projek pembangunan Persekutuan bagi merealisasikan hasrat Malaysia Madani.

Turut disertakan gambar beliau menyampaikan watikah pelantikan itu kepada Ahmad Nadzri.